

Jenis-jenis ayat

LATIHAN :

Kenal pasti jenis-jenis ayat berikut. Tentukan sama ada ayat tersebut ialah ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah atau ayat seruan.

1. Murid yang miskin itu sudah diberi biasiswa.
2. Sudahkah awak membaca novel tulisan A. Samad Said itu ?
3. Jamaliah baru sahaja melapor diri untuk bertugas di sekolah ini tadi.
4. Wah, awak kelihatan sungguh ceria sejak akhir-akhir ini!
5. Jangan memuji saya berlebihan.
6. Aduh, sakit kepalaku ini!
7. Mangsa kemalangan itu telah meninggal dunia.
8. Harap hadirin bersabar seketika.
9. Bilakah tarikh perkahwinan Badrul?
10. Leornado Da Vinci merupakan pelukis potret Monalisa.
11. Kampung saya bernama Kampung Aman.
12. Biarkan sahaja mereka bermain di situ.
13. Hebatkah Panglima Hitam berbanding Panglima Jali?
14. Rumah agam di atas bukit itu milik siapa?
15. Jemputlah datang ke majlis perkahwinan anak saya pada minggu hadapan.
16. Kuda putih itu berlari mengelilingi stadium sambil ditunggang oleh pegawai polis.

17. “bagaimanakah keadaan kesihatan ayah awak sekarang?” tanya Ustaz Ibrahim kepada Afzar.
18. “Matikan semua suis lampu dan kipas sebelum kamu meninggalkan makmal,” kata Cikgu Hasani kepada para pelajarnya.
19. “Jangan pijak rumput itu,” kata Pengetua kepada pelajar yang sedang melintas di hadapan.
20. “Wah, cantiknya rumah baharu awak!” puji Puan Salmi kepada Puan Zuraidah.

Nyatakan jenis ayat perintah berikut.

1. Usah dikenang peristiwa itu.
2. Jemputlah makan makanan yang terhidang di atas meja.
3. Lapkan meja yang kotor itu.
4. Tolong hantarkan bungkusan ini kepada Pak Karim.
5. Jangan buang sampah di sini!

